

25 DEC 2002

Kadir-Krismas

RUMAH TERBUKA KRISMAS BUKTI KEBEBASAN BERAGAMA DI MALAYSIA

MELAKA, 25 Dis (Bernama) -- Rumah terbuka kebangsaan bagi perayaan Hari Krismas yang akan diadakan di Hang Tuah Mall, Melaka Sabtu ini adalah bukti nyata keikhlasan kerajaan Malaysia membenarkan kebebasan beragama di negara ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata rakyat Malaysia yang berbilang kaum dibenarkan mengamalkan upacara keagamaan masing-masing walaupun Malaysia diisytiharkan sebagai sebuah negara Islam.

"Inilah simbolik yang jelas kepada dunia, kerajaan telah menyatakan Krismas adalah antara enam perayaan utama di Malaysia," katanya kepada pemberita selepas melihat persiapan sambutan Rumah Terbuka Malaysia Hari Krismas di Jalan Hang Tuah, di sini hari ini.

Beliau berkata dalam keadaan sesetengah pihak menuduh Malaysia dengan pelbagai perkara tidak baik, konsep rumah terbuka bagi setiap perayaan menunjukkan negara ini bebas, aman dan rakyatnya hidup dalam harmoni.

Katanya Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abd Rashid berkenan berangkat menghadiri Rumah Terbuka Malaysia Hari Krismas itu.

Selain itu, tetamu lain ialah Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin dan isteri Toh Puan Marfuza Sheikh Mohd Osman, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan isteri serta kira-kira 150,000 orang terdiri dari rakyat serta pelancong asing.

Abd Kadir berkata pada sambutan kali ini, seramai 166 wartawan asing termasuk enam buah stesen televisyen antarabangsa turut dijemput untuk merakamkan kemeriahan sambutan perayaan di Malaysia.

"Mereka ini akan membuat rakaman dan menulis rencana mengenai perayaan-perayaan di Malaysia dan ia sebagai satu promosi yang baik untuk memperkenalkan lagi negara ini di dunia," katanya.

Katanya jemputan itu akan memberikan nilai yang ekonomik dalam usaha kementerian mempromosikan Malaysia di mata dunia dan wartawan berkenaan akan tinggal di negara ini dalam tempoh 10 hari.

Mengenai persiapan sambutan, beliau berkata ia dijalankan dengan baik dan pelbagai jenis juadah seperti roti canai, rendang, ketupat, lemang dan makanan tradisional pelbagai kaum di negara ini akan dihidangkan kepada tetamu.

"Orang ramai juga boleh melihat keindahan Hang Tuah Mall yang dirasmikan oleh Perdana Menteri pada 3 Okt lepas. Inilah peluang untuk orang ramai berkumpul dalam keadaan harmoni dan muhibbah," katanya.

Beberapa artis terkenal tanahair seperti kumpulan Senario, Francisca Peters dan Najib Hanif diundang untuk memeriahkan rumah terbuka itu yang bermula pukul 6 petang.

Kebudayaan masyarakat pelbagai kaum seperti kumpulan Baba dan Nyonya serta kumpulan masyarakat Portugis turut dipersembahkan selain pertunjukan bunga api.

-- BERNAMA

SBS ROS